



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

20 NOVEMBER 2021


---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 545 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 228,575 kes. Sebanyak lima (5) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu empat (4) kes di Tenom dan satu (1) kes di Beaufort. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 486 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 217,550 orang. Manakala 1,693 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 663 orang di hospital, 1,015 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 15 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 67 orang merangkumi 63 di ICU/repurposed kritikal care serta empat (4) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 23 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 67 (34.18%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tiga (3) daerah.
- Zon Jingga satu (1) daerah.
- Zon Merah 22 daerah.

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a Kedudukan jumlah kes COVID-19 di Sabah hari ini tidak banyak berbeza dengan jumlah semalam. Ia sekadar menambah 2 kes menjadikan jumlah keseluruhan hari ini kepada 545 kes.
- b Angka jangkitan di semua daerah turun-naik setiap hari. Hari ini 19 daerah mencatatkan kes di bawah paras 20 kes dengan 10 daerah mencatatkan kes 1 angka sahaja. Walau bagaimanapun, tidak ada daerah yang mencatatkan kes 3 angka.
- c Kota Kinabalu mencatatkan penurunan kes yang agak baik pada hari ini iaitu -28 kes, diikuti dengan Ranau yang merekodkan penurunan sebanyak -23 kes. Secara keseluruhan, 13 daerah di Sabah mencatatkan penurunan namun hanya Kota Kinabalu dan Ranau yang merekodkan penurunan yang agak banyak. Kota Kinabalu kekal penyumbang terbesar kes baharu di Sabah. Sebanyak 12 daerah merekodkan peningkatan kes yang agak kecil dan 2 lagi daerah kekal sebagaimana catatan semalam.
- d Kes positif yang berpunca daripada Saringan Bergejala tinggi hari ini dengan dengan 222 kes atau hampir 41% daripada jumlah keseluruhan. Kes yang sinonim dengan jangkitan sporadik ini menunjukkan virus ini telah berada didalam komuniti secara meluas dan risiko jangkitan adalah tinggi. Atas sebab inilah pentingnya masyarakat kekal mematuhi semua SOP yang berkuatkuasa.
- e Jumlah pesakit yang mengalami kesan serius akibat jangkitan COVID-19 kekal rendah. Tidak ada pesakit dilaporkan dalam Kategori 3, 2 pesakit dalam Kategori 4 dan hanya seorang dalam Kategori 5. Hampir 99.1% daripada semua pesakit berada dalam Kategori 1 dan Kategori 2. Dua pesakit lagi belum dikategorikan kerana masih dalam penilaian JKNS.

- f Sepertimana yang telah diumumkan oleh YAB Ketua Menteri Sabah hari ini, mulai 1 December 2021, pelawat yang masuk ke Sabah dari Semenanjung dan Sarawak tidak lagi perlu membuat saringan COVID-19 (swab) dengan syarat mereka telah memperolehi vaksin lengkap.
- g Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (288) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

## ii Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	222	40.73%
3	Kontak	288	52.84%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	35	6.42%
<b>JUMLAH</b>		<b>545</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (19 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 19/11/2021	Catatan Kes 20/11/2021	Perbandingan
1	Tenom	19	36	+17
2	Papar	28	43	+15
3	Sipitang	5	17	+12
4	Kota Belud	47	57	+10
5	Penampang	40	49	+9
6	Telupid	4	13	+9
7	Kudat	8	16	+8
8	Kuala Penyu	1	6	+5
9	Kota Marudu	23	26	+3
10	Semporna	0	3	+3
11	Putatan	17	18	+1
12	Sandakan	9	10	+1
13	Beaufort	18	18	Mendatar
14	Kalabakan	1	1	Mendatar
15	Kota Kinabalu	120	92	-28
16	Ranau	51	28	-23
17	Beluran	14	3	-11
18	Kinabatangan	9	2	-7
19	Keningau	19	14	-5
20	Tuaran	51	47	-4
21	Tawau	16	13	-3
22	Kunak	3	0	-3
23	Tambunan	15	13	-2
24	Lahad Datu	7	5	-2
25	Pitas	9	8	-1
26	Tongod	7	6	-1
27	Nabawan	2	1	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>543</b>	<b>545</b>	<b>+2</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (06 November – 19 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	48	37	0	7	92	1,033
Kota Belud	0	36	20	0	1	57	600
Penampang	0	25	22	0	2	49	449
Tuaran	0	31	15	0	1	47	741
Papar	0	33	10	0	0	43	360
Tenom	0	25	10	0	1	36	360
Ranau	0	12	16	0	0	28	536
Kota Marudu	0	6	19	0	1	26	436
Beaufort	0	3	11	0	4	18	442
Putatan	0	8	6	0	4	18	198
Sipitang	0	13	4	0	0	17	147
Kudat	0	7	8	0	1	16	192
Keningau	0	5	6	0	3	14	257
Tawau	0	4	8	0	1	13	176
Tambunan	0	8	5	0	0	13	233
Telupid	0	8	5	0	0	13	71
Sandakan	0	2	4	0	4	10	178
Pitas	0	2	4	0	2	8	113
Tongod	0	3	3	0	0	6	49
Kuala Penyu	0	4	2	0	0	6	82
Lahad Datu	0	1	4	0	0	5	115
Beluran	0	2	1	0	0	3	122
Semporna	0	0	1	0	2	3	15
Kinabatangan	0	2	0	0	0	2	149
Nabawan	0	0	0	0	1	1	25
Kalabakan	0	0	1	0	0	1	11
Kunak	0	0	0	0	0	0	18
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>288</b>	<b>222</b>	<b>0</b>	<b>35</b>	<b>545</b>	<b>7,108</b>

6 Tiada **Kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 5,478 unit

- Hospital 1,411 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,577 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 30.91%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 20 NOVEMBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	538
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	4
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	3
<b>Jumlah</b>	<b>545</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
India	1
Australia	1
China	2
<b>Jumlah</b>	<b>4</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	535
Bukan Malaysia	10
<b>Jumlah</b>	<b>545</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	107
Belum Menerima Vaksin	75
Menerima 1 Dos	3
Lengkap 2 Dos	360
<b>Jumlah</b>	<b>545</b>

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	4
1 to 5	47
6 to 11	56
12 to 17	32
18 to 25	80
26 to 59	265
>60	61
<b>Jumlah</b>	<b>545</b>

**C KELONGGARAN MENJALANI UJIAN SARINGAN COVID 19 BAGI PELAWAT MASUK KE SABAH**

Sepertimana yang telah diumumkan oleh YAB Ketua Menteri Sabah pada hari ini, pelawat dari Semenanjung dan Sarawak tidak perlu lagi menjalani ujian saringan COVID-19 dengan syarat mereka telah memperolehi vaksin lengkap berkuatkuasa 01 Disember 2021.

**D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 19 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 5,575 orang. Daripada jumlah ini, seramai 4,846 orang adalah penduduk dewasa dan 729 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 19 November 2021 adalah seramai 2,436,940 orang. Ini meliputi 2,104,040 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.28% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,382,393 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,078,453 orang atau 75.35% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 332,900 orang atau 76.71% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 303,940 atau 70.03% orang setakat ini.

## **E BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **676,822** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM /INFO ON WHEELS**

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,553 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 54 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak tujuh (7) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Tujuh (7) Orang : Pemilik Premis Gagal Menyediakan QR Kod Dan Buku Pendaftaran
- 3 Penguatuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 132 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 33 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1,073 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
  - ii Tiga (3) kompaun dikeluarkan oleh Majlis Daerah Kinabatangan atas kesalahan tidak mendaftar masuk menggunakan aplikasi MySejahtera atau buku pendaftaran.
  - iii Tiga (3) notis dikeluarkan oleh Majlis Daerah Kinabatangan kepada pemilik premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 308 Premis Perniagaan melibatkan 192 anggota APM. Sebanyak 11 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

- 6       Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 144 anggota di 222 lokasi.
- 7       Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 8       Sejumlah 125 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 9       Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 88 hebahan di seluruh Sabah.

#### **G           KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1       Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.4 %** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Beaufort	98.7%
2	Sipitang	98.7%
3	Kunak	98.5%
4	Kota Marudu	98.5%
5	Semporna	98.5%
6	Kinabatangan	98.5%
7	Penampang	98.5%
8	Kudat	98.4%
9	Sandakan	98.4%
10	Lahad Datu	98.4%
11	Tawau	98.3%
12	Keningau	98.3%
13	Ranau	98.2%
14	Papar	98.2%
15	Beluran	98.2%
16	Kota Belud	98.2%
17	Tuaran	98.1%
18	Kota Kinabalu	98%
19	Tenom	98%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**